

Rakyat kita koma di Korea sudah pulang ke rumah

Oleh **Roselan Ab Malek** - Mac 14, 2022 @ 4:11pm

bhnews@bh.com.my



Nazri (kanan) menziarahi Kamarulzaman di Kampung Batu Balai, Jerantut. - NSTP/ROSELAN AB MALEK

JERANTUT: "Dapat pulang ke pangkuan keluarga detik sangat berharga buat saya selepas mencari rezeki di Korea Selatan sejak 2019," kata Kamarulzaman Mohamed Fauzi @ Jazuli, 50, rakyat Malaysia yang koma dan menjalani rawatan lebih sebulan di negara berkenaan selepas pengsan di rumah sewanya disebabkan pembuluh darah pecah.

Kejadian pada 23 Januari sehingga Kamarulzaman sedar pada 14 Februari ketika menerima rawatan di Hospital Universiti Kebangsaan Chungbuk di Cheongju.

Selepas mendapat bantuan sumbangan orang ramai, termasuk Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail bagi bayaran bil hospital dan tiket penerbangan, dia akhirnya dibawa pulang ke Malaysia, 2 Mac lalu.

"Cukuplah pengalaman sepanjang dua tahun berada di negara orang. Saya tidak akan ke Korea Selatan lagi untuk mencari rezeki. Rasa gembira dan seronok tak dapat digambarkan apabila dapat pulang ke rumah sendiri, bersama isteri dan anak-anak," katanya.

Katanya lagi, berada lama di hospital di negara berkenaan juga menjadikannya bosan, namun dia bernasib baik kerana ada sepupu, Saloha Adlan, 27, yang turut bekerja di Korea Selatan sanggup menjaganya sepanjang menerima rawatan.

Sejurus tiba di Malaysia pada 2 Mac, Kamarulzaman perlu menjalani kuarantin selama 14 hari dan rawatan susulan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh, namun dibenarkan keluar hari ini walaupun belum cukup tempoh dua minggu berkenaan.

Anak sulungnya, Muhammad Zafifi, 28, berkata dia agak terkejut dan tidak menjangka bapanya sudah dibenarkan pulang ke rumah.

"Sejak balik dari Korea Selatan, kesihatan ayah banyak berubah. Dia tidak perlu lagi minum susu khas dari saluran tiub dan boleh bercakap tanpa tersangkut-sangkut. Kami sekeluarga amat bersyukur dan gembira kerana akhirnya ayah dapat pulang ke rumah di Kampung Batu Balai selepas pelbagai dugaan menyimpannya," katanya.

Katanya, Kamarulzaman yang lumpuh sebelah badan buat masa ini hanya perlu menjalani rawatan fisioterapi di Klinik Kesihatan Damak berhampiran rumah.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tawar, Datuk Nazri Ngah ketika menziarahi Kamarulzaman di rumahnya, bersyukur rakan yang dikenalnya sejak muda itu dapat pulang ke rumah sendiri dan diharap mematuhi nasihat doktor serta mengambil ubat yang dibekalkan untuk kembali pulih seperti sedia kala.